

# Putrajaya simbol teknologi hijau, bandar lestari

Berita Harian · 10 Sep 2024 · Prof Dr Mohd Ramzi Mohd Hussain, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Putrajaya, ibu kota pentadbiran Malaysia adalah contoh unggul kelestarian bandaraya bersepadu dengan elemen landskap indah dan ekosistem terjaga. Dirancang dengan teliti, bandar ini mengutamakan keseimbangan antara pembangunan moden dan pemeliharaan alam sekitar.

Perancangan dan reka bentuk landskap di Putrajaya dirancang dengan konsep menyatukan elemen alam semula jadi bersama reka bentuk bandar moden, mewujudkan persekitaran nyaman dan indah.

Putrajaya juga terkenal dengan reka bentuk 13 tamannya yang luas dan berfungsi sebagai paru-paru hijau bandar. Taman Wetland Putrajaya misalnya, adalah kawasan tanah lembap buatan manusia terbesar di Malaysia, memainkan peranan penting dalam penapisan air dan pengawalan banjir.

Terdapat tasik buatan di Putrajaya meliputi kawasan seluas 650 hektar berfungsi sebagai elemen estetika dan rekreasi, serta sistem pengurusan air efektif. Tasik ini direka untuk mengumpul air hujan dan mengurangkan risiko banjir, di samping menyediakan kawasan untuk aktiviti air dan rekreasi kepada pelawat.

Tasik ini menjadi lokasi utama bagi pertandingan sukan air bertaraf antarabangsa seperti Water Ski World Championship, Asian Canoe Championship, Putrajaya Boat Race, Formula 1 Power Boat Competition.

Bangunan mesra alam, jimat tenaga

Reka bentuk bangunan di Putrajaya dibina berdasarkan penerapan teknologi hijau dan cekap tenaga. Banyak bangunan kerajaan di situ menerima pensijilan hijau, menandakan penggunaan bahan mesra alam dan teknologi penjimatan tenaga seperti bangunan Kompleks Seri Perdana menggunakan sistem pengumpulan air hujan dan pengudaraan semula jadi.

Putrajaya juga menekankan kepentingan pendidikan dan kesedaran alam sekitar melalui pelbagai inisiatif serta program komuniti. Taman Botani Putrajaya memaparkan koleksi tumbuhan dari seluruh dunia, bukan sahaja memperkayakan estetika bandar, tetapi memberikan nilai pendidikan kepelbagaian tumbuhan global.

Putrajaya menekankan penggunaan teknologi pintar untuk memantau dan menguruskan sumber alam sekitar dengan lebih efisien. Sistem pengurusan air dan tenaga di bandar ini menggunakan teknologi internet kebendaan untuk memastikan penggunaan sumber optimum dan mengurangkan pembaziran.

Putrajaya juga menjadi lokasi penganjuran pelbagai acara dan festival berorientasikan alam sekitar seperti Festival Bunga dan Taman Floria, acara tahunan mempamerkan keindahan taman bunga serta menggalakkan kepentingan hortikultur dan landskap. Acara ini menarik pelancong dari dalam dan luar negara, memberi kesedaran kepada masyarakat tempatan mengenai kepentingan memelihara alam sekitar.

Akhir sekali, kerjasama antara pihak berkuasa tempatan (PBT), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat memainkan peranan penting memastikan inisiatif

kelestarian di Putrajaya berjaya.

Program seperti Komuniti Hijau menggalakkan penduduk tempatan terbabit secara aktif dalam projek pemuliharaan dan aktiviti kitar semula. Pendekatan holistik pembangunan Putrajaya dalam pengurusan bandar raya lestari menjadikan ia contoh bagi bandar lain di Malaysia dan rantau ini membuktikan kemajuan dan kelestarian boleh berjalan seiring, mewujudkan persekitaran bandar kondusif dan hijau untuk generasi akan datang.